

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
KAWASAN : KUALA KEDAH
NO. SOALAN : 388

DR. AZMAN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai syarikat-syarikat antarabangsa yang telah memberhentikan operasi mereka di Malaysia dalam tempoh 2 tahun terakhir ini. Berikan sebab-sebab mereka berbuat demikian.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh 2014 hingga Mac 2016, terdapat 22 buah syarikat perkilangan yang telah menutup operasi di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 buah syarikat dimiliki secara majoriti oleh rakyat asing sementara sebanyak 8 buah syarikat dimiliki majoriti oleh rakyat tempatan. Jumlah pelaburan yang terlibat bagi 22 buah syarikat tersebut adalah sebanyak RM1.6 bilion dengan jumlah guna tenaga yang diberhentikan adalah seramai 4,521 orang.

Bilangan syarikat yang menutup operasi perniagaannya untuk tahun 2014 hingga 2016 (Januari – Mac) adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan syarikat	Jumlah Pemberhentian Pekerja
Syarikat Milik Asing		
2014	1	75 orang
2015	10	2,292 orang
2016 (Januari – Mac)	3	1,638 orang
Jumlah	14	4,005 orang
Syarikat Milik Tempatan		
2014	4	208 orang
2015	2	252 orang
2016 (Januari – Mac)	2	56 orang
Jumlah	8	516 orang

Sebab-sebab penutupan operasi syarikat-syarikat tersebut adalah:

- Penurunan dalam jualan dan permintaan bagi produk mereka di pasaran tempatan;
- Peningkatan dalam kos pengeluaran;
- Masalah kewangan;
- Kekurangan sumber bahan mentah;
- Pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- Penstrukturan semula syarikat.

Walaupun bagaimanapun, jumlah penutupan operasi perkilangan dalam tempoh 2014 hingga Mac 2016 tersebut adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah projek perkilangan yang mula beroperasi di dalam tempoh yang sama.

Menurut statistik terkini, bagi tempoh 2014 sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 1,031 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM73.6 billion telahpun memulakan operasi perkilangan dengan mewujudkan sebanyak 86,183 peluang pekerjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' JOHARI BIN ABDUL
SOALAN : NO. 389

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bahawa dilaporkan UKMTEch mengalami kerugian dan prestasinya amat membimbangkan. Apakah sebab utama kegagalan ini dan apakah tindakan yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat UKM Technology Sdn Bhd (UKMTECH) ditubuhkan pada 28 Mei 2009 sebagai syarikat pemindahan teknologi milik penuh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menyahut hasrat Kerajaan di dalam Model Ekonomi Baru yang memberi fokus kepada pembangunan ekonomi berasaskan inovasi. Penubuhan ini juga selaras dengan salah satu peranan dan tuntutan baru UKM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan untuk memajukan hasil penyelidikan sehingga sedia ke pasaran (market-ready) untuk tujuan pengkomersilan yang akhirnya memberi manfaat kepada industri, masyarakat dan negara.

UKMTECH telah mencatatkan keuntungan dari operasi pembangunan dan pengkomersilan pada tahun 2014 dan 2015. Catatan peningkatan tersebut adalah kerana penilaian, pencapaian dan keberkesanan serta rasionalisasi yang dijalankan pada tahun 2014 berdasarkan pembangunan dan pengkomersilan yang dilaksanakan sejak dari tahun 2011. Selain itu, UKM menggunakan pengalaman pembangunan dan pengkomersilan ini sebagai panduan dalam meneruskan usaha rasionalisasi membabitkan pemantapan strategi, penyusunan semula struktur operasi dan penilaian semula potensi projek dan produk untuk dimajukan ke peringkat pembangunan dan seterusnya pengkomersilan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

SOALAN : 390

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa dilaporkan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah mengambil alih aset keretapi milik Keretapi tanah Melayu Berhad (KTMB) dan KTMB pula akan menyewa balik aset-aset ini. Jika benar, nyatakan rasional tindakan ini dan apakah ada implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan Akta 463 (Akta Keretapi 1991), Perbadanan Aset Keretapi (RAC) adalah sebuah badan yang bertanggungjawab atas segala pemilikan aset perkeretapian samada aset alih mahupun tidak alih. Manakala Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) hanyalah merupakan pengendali perkhidmatan yang mengguna pakai aset milik RAC. Sehubungan itu, urusan pelaksanaan perjanjian berkaitan aset-aset perkeretapian antara RAC dan KTMB adalah selaras dengan Akta Keretapi 1991 ini.

Pemisahan fungsi pemilikan aset perkeretapian dan pengendali perkhidmatan keretapi adalah berdasarkan rasionalisasi bahawa KTMB merupakan sebuah syarikat swasta (meskipun dimiliki sepenuhnya oleh Ministry of Finance, Inc.) sedangkan aset perkeretapian sedia ada merupakan aset milik Kerajaan. Sehubungan itu, adalah tidak wajar aset milik Kerajaan diuruskan oleh sebuah syarikat swasta. Oleh itu, RAC yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bagi mengurus dan memajukan aset perkeretapian milik Kerajaan.

Selain itu, pemisahan ini boleh dianggap sebagai langkah persediaan Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan penggunaan infrastruktur perkeretapian melalui pelaksanaan Pelbagai Pengendali Perkhidmatan Keretapi di masa hadapan. Dengan adanya RAC sebagai pengurus aset perkeretapian, pelaksanaan Pelbagai Pengendali Perkhidmatan Keretapi dapat dilaksanakan dengan lebih lancar memandangkan RAC akan bertindak sebagai sebuah entiti bebas yang akan membenarkan akses kepada pengendali perkhidmatan rel yang akan menggunakan infrastruktur rel RAC.

Walau bagaimanapun, urusan pelaksanaan perjanjian ini masih lagi dalam peringkat rundingan antara RAC dan KTMB. Selain itu, impak kewangan hanya akan dapat dikenalpasti setelah urusan pelaksanaan perjanjian ini selesai.